

25/02/2000

Cara pemilihan sedia ada tiada masalah

IPOH, Khamis - Pemilihan pucuk pimpinan Umno pada peringkat akar umbi hingga Pusat sentiasa berteraskan sistem demokrasi dan tidak timbul keperluan mengubah sistem pemilihan sedia ada kepada sesuatu yang lebih telus.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata cadangan supaya pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung serta penentuan calon bagi semua jawatan peringkat Pusat dilakukan secara sulit tidak sepatutnya timbul kerana proses sedia ada tidak pernah dipertikai.

"Selama ini, bahagian mana yang pernah melaksanakan pemilihan perwakilan dan calon peringkat pusat secara sulit? Ia tidak pernah dibuat.

"Kita (Umno) demokratik. Yang sudah berjalan elok (proses pemilihan) tidak payahlah diubah-ubah," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Sebelum itu, Tajol Rosli menerima kunjungan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahaya bersama delegasinya bagi mempromosikan Sukan Malaysia (Sukma) Ke-8 yang akan diadakan di negeri itu, Mei depan.

Tajol Rosli mengulas cadangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah yang mahu pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung Umno dan pemilihan calon bagi semua jawatan pada peringkat Pusat dilakukan secara sulit.

Tengku Razaleigh berkata, melalui undian sulit, setiap ahli Umno dapat mengambil bahagian dalam proses pemilihan tanpa rasa takut dan terdedah kepada sebarang ugutan.

Mengulas cadangan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti yang dilaporkan akhbar tempatan, Selasa lalu, berkata beliau menyerahkan kepada bahagian Umno bagi menentukan pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung parti serta penentuan calon bagi semua jawatan pada peringkat Pusat, dilakukan melalui undi sulit.

Dr Mahathir berkata, sesetengah bahagian termasuk bahagiannya sendiri di Kubang Pasu, Kedah, memang menjalankan proses itu secara sulit.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ulasannya pula berkata, sebarang cadangan berkaitan peraturan atau prosedur parti, cawangan atau bahagian Umno perlu dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT).